

PETIKAN 1 – RENCANA

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar petikan rencana berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

Kenali Ketam Nipah

Oleh : Nurin Syakirah binti Idrus

Ketam nipah ialah sejenis haiwan laut yang mempunyai kulit keras atau cangkerang. Ketam nipah juga dikenali sebagai ketam lumpur atau ketam bangkang. Kitaran hidup ketam nipah bermula di kawasan paya hutan bakau. Ketika hendak bertelur, ketam nipah akan berenang ke laut untuk melepaskan telurnya. Induk ketam yang sihat boleh menghasilkan sehingga tiga juta telur. Selepas telur menetas, larva akan mengambil masa 30 hari untuk menjadi anak ketam. Kemudian, anak ketam kembali ke habitat asalnya iaitu di kawasan paya hutan bakau.

Industri ketam nipah dijalankan secara kecil-kecilan oleh nelayan di Malaysia. Ketam jenis ini merupakan spesies yang penting kerana mendatangkan pulangan yang lumayan. Sebagai contohnya, ketam nipah yang mempunyai telur berharga antara RM30 hingga RM50 seekor.

Namun demikian, penangkapan anak ketam nipah secara berleluasa akan mengakibatkan populasi ketam nipah berkurangan. Oleh itu, kajian penghasilan benih ketam nipah giat dijalankan untuk menampung keperluan industri ketam nipah pada masa akan datang.

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

Petikan rencana akan dibaca sekali lagi.

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar maklumat berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

Petikan yang sama diperdengarkan (petikan rencana).


Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

PETIKAN 1 : RENCANA - KENALI KETAM NIPAH

Petikan ini mengandungi **enam** soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

1. Lengkapkan rajah dengan nama lain bagi ketam nipah.




[1 markah]

2. Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

Habitat asal ketam nipah ialah di kawasan paya **hutan bakau**.

[1 markah]

3. Lengkapkan rajah berikut dengan kitaran hidup ketam nipah yang betul.



[1 markah]

4. Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

Ketam nipah yang mempunyai telur dijual dengan harga antara RM30 hingga **RM50** seekor.

[1 markah]

5. *Mengapakah populasi ketam nipah berkurangan?*

Populasi ketam nipah berkurangan kerana penangkapan **anak ketam nipah** secara berleluasa.

[1 markah]

6. *Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul atau (X) bagi pernyataan yang salah.*

(i)	Tiga juta telur boleh dihasilkan oleh induk ketam nipah.	<u>✓</u>
(ii)	Kitaran hidup ketam nipah mengambil masa selama 30 hari.	<u>X</u>
(iii)	Kajian penghasilan benih ketam nipah dijalankan secara kecil-kecilan di Malaysia.	<u>X</u>

[2 markah]

PETIKAN 2 – IKLAN

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar petikan iklan berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

KARNIVAL KERJAYA

Anda mencari pekerjaan? Jom beramai-ramai ke Karnival Kerjaya di Persada Johor pada 25 November 2023. Karnival ini melibatkan lebih 80 majikan daripada pelbagai sektor swasta, menawarkan lebih 5000 peluang pekerjaan. Sebanyak 20 gerai pameran agensi kerajaan turut mengambil bahagian. Pengunjung berpeluang untuk mendapatkan maklumat kerjaya dalam slot bual bicara bersama dengan panel jemputan. Taklimat industri berkaitan tip temu duga turut diadakan. Anda akan mendapat bimbingan berkaitan penyediaan resume, kemahiran komunikasi dan etika berpakaian. Bagi yang berminat untuk menyertai bidang penyiaran, jangan lepaskan peluang untuk menyertai sesi uji bakat anjuran stesen televisyen terkemuka tanah air. Lebih menarik lagi, pendaftaran pekerjaan dan temu duga terbuka menanti anda. Semakan status permohonan pekerjaan dalam talian juga disediakan di 5 kaunter secara percuma. Jumpa anda di sana!

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

Petikan iklan akan dibaca sekali lagi.

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar maklumat berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

Petikan yang sama diperdengarkan (petikan iklan)

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

PETIKAN 2: IKLAN KARNIVAL KERJAYA

Petikan ini mengandungi **lima** soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

1. Lengkapkan iklan dengan tarikh karnival kerjaya yang betul.

Karnival Kerjaya

Tarikh : 25 November 2023

Tempat : Persada Johor



Pelbagai aktiviti
menanti anda!


[1 markah]

2. Berapakah bilangan gerai pameran yang melibatkan agensi kerajaan?

20

[1 markah]

3. Lengkapkan rajah dengan tip temu duga kepada pengunjung.



[2 markah]

4. Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

Sesi uji bakat anjuran stesen televisyen terkemuka akan diadakan kepada para pengunjung yang berminat untuk menyertai bidang penyiaran.

[2 markah]

5. Tandakan (\surd) bagi pernyataan yang betul atau (X) bagi pernyataan yang salah.

(i)	Program Karnival Kerjaya berlangsung selama sehari di Persada Johor.	<u>\surd</u>
(ii)	Agensi terlibat turut mengadakan temu duga terbuka kepada pengunjung.	<u>\surd</u>
(iii)	Pengunjung boleh membuat semakan status pendaftaran pekerjaan di karnival ini.	<u>X</u>

[2 markah]

PETIKAN 3 – BERITA

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar petikan berita berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

Ladang Durian Musang King Terbesar di Malaysia

GUA MUSANG – Negeri Kelantan kini memiliki ladang durian Musang King yang terbesar di negara ini. Durian Musang King dikatakan berasal dari Thailand dan dikenali sebagai Raja Kunyit. Ladang tersebut berkeluasan hampir 3,000 hektar di kawasan Tanah Tinggi Lojing. Timbalan Menteri Besar Kelantan berkata ladang tersebut mampu menjulang nama Kelantan di pentas Asia sebagai pengeluar utama Musang King pada masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri mahu menjadikan kawasan Tanah Tinggi Lojing sebagai lokasi agropelancongan tidak lama lagi. Selain itu, kerajaan negeri berharap agar ladang berkenaan menjadi sebuah pusat pengumpulan buah-buahan sebelum diproses dan dieksport. Lebih membanggakan, ladang tersebut telah mendapat pengiktirafan ‘Malaysia Book Of Records’ sebagai ladang Musang King terbesar di Malaysia.

Ladang ini mempunyai lebih 200,000 pokok durian Musang King yang ditanam sejak tujuh tahun lalu. Manfaat pembukaan ladang berkenaan dilihat mampu membawa limpahan sosioekonomi kepada penduduk setempat selain kelestarian alam sekitar. Kerajaan negeri turut menyasarkan penghasilan 60,000 tan metrik durian Musang King setiap tahun. Sasaran tersebut bagi memenuhi permintaan tinggi dari negara-negara seperti Indonesia, Jepun, dan Amerika Syarikat.

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

Petikan berita akan dibaca sekali lagi.

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar maklumat berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

Petikan yang sama diperdengarkan (petikan berita).

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

PETIKAN 3: BERITA - LADANG DURIAN MUSANG KING TERBESAR DI MALAYSIA

Petikan ini mengandungi enam soalan.


Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

1. *Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.*

Durian Musang King dikenali sebagai sebagai **Raja Kunyit** yang dikatakan berasal dari Thailand.

[1 markah]

2. *Lengkapkan rajah berikut dengan keluasan ladang durian Musang King di Kelantan.*



[1 markah]

3. *Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.*

Kawasan Tanah Tinggi Lojing akan dijadikan lokasi agropelancongan dan pusat **pengumpulan buah-buahan** sebelum diproses dan dieksport.

[1 markah]

4. Nyatakan manfaat pembukaan ladang durian Musang King di Kelantan.

- i) limpahan sosioekonomi
- ii) **kelestarian alam sekitar**

[1 markah]

5. Nyatakan negara yang membuat permintaan tinggi durian Musang King.

- (i) **Indonesia/Jepun/Amerika Syarikat**
(mana-mana satu negara)

[1 markah]

6. Tandakan (\surd) bagi pernyataan yang betul atau (X) bagi pernyataan yang salah.

(i)	Negeri Kelantan akan menjadi pengeluar utama Musang King di Asia pada masa hadapan.	<u>\surd</u>
(ii)	Sebanyak 60,000 pokok durian Musang King ditanam di ladang tersebut.	<u>X</u>
(iii)	Penghasilan 200,000 tan metrik durian Musang King disasarkan oleh kerajaan negeri.	<u>X</u>

[2 markah]

PETIKAN 4 – TAKLIMAT

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar petikan taklimat berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

Sejarah Bangunan Sultan Abdul Samad

Selamat datang ke Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.

Bangunan Sultan Abdul Samad merupakan salah satu bangunan bersejarah di Malaysia yang terletak di pertemuan antara Sungai Klang dan Sungai Gombak. Bangunan ini mula dibina pada tahun 1894 dan dikenali sebagai Pejabat Baru. Apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk pada tahun 1948, bangunan ini dinamakan sebagai Sekretariat Persekutuan. Pada tahun 1974, nama bangunan ini ditukar kepada Bangunan Sultan Abdul Samad sempena nama Sultan Selangor yang memerintah semasa pembinaannya.

Seni bina bangunan ini mempunyai tiga kubah, menara jam besar dan beranda seluas 3.5 meter. Asalnya, bahagian kubah yang berwarna hitam ini diperbuat daripada kayu dan batu bata. Kini, kubah tersebut telah digantikan dengan kubah yang bersalut tembaga.

Bangunan ini telah diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan dalam kategori Tapak Warisan pada tahun 2007 oleh Jabatan Warisan Negara. Pewartaan ini dilaksanakan kerana bangunan ini pernah menempatkan beberapa buah kementerian, jabatan kerajaan persekutuan dan Jabatan Kerajaan Negeri Selangor. Selain itu, bangunan ini menjadi saksi kemerdekaan Tanah Melayu kerana bendera Union Jack diturunkan pada malam 31 Ogos 1957 sebelum bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan di Dataran Merdeka.

Terima kasih.

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

Petikan taklimat akan dibaca sekali lagi.

Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan.

Dengar maklumat berikut dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang diberikan.

Petikan yang sama diperdengarkan (petikan taklimat).

Anda diberi masa tiga puluh saat untuk menyemak jawapan.

PETIKAN 4: TAKLIMAT – SEJARAH BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD

Petikan ini mengandungi **enam** soalan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan yang diperdengarkan.

1. Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

Bangunan Sultan Abdul Samad terletak di pertemuan antara Sungai Klang dan **Sungai Gombak**.

[1 markah]

2. Bilakah Bangunan Sultan Abdul Samad mula dibina?

- A. 1894
- B. 1948
- C. 1957
- D. 1974


[1 markah]

3. Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

Pada peringkat awal, Bangunan Sultan Abdul Samad dikenali sebagai **Pejabat Baru**.


[1 markah]

4. Lengkapkan rajah berikut dengan jawapan yang betul.



[1 markah]

5. Lengkapkan rajah berikut dengan maklumat yang betul.



[2 markah]

6. Tandakan (\surd) bagi pernyataan yang betul atau (X) bagi pernyataan yang salah.

(i)	Bangunan Sultan Abdul Samad dinamakan sempena nama Sekretariat Persekutuan.	<u>X</u>
(ii)	Jabatan Warisan Negara telahewartakan Bangunan Sultan Abdul Samad sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2007.	<u>\surd</u>
(iii)	Beberapa buah kementerian, jabatan kerajaan persekutuan dan Jabatan Kerajaan Negeri Selangor pernah ditempatkan di bangunan ini.	<u>\surd</u>

[2 markah]